



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 07/2022

**TANGGUNGJAWAB IBUBAPA DALAM
MEMBERI DIDIKAN AGAMA KEPADA ANAK-ANAK**

16 Rejab 1443 H
Bersamaan
18 Februari 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ،
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ .
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada diri saya, serta sidang jemaah yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita semua berada dalam rahmat serta perlindungan Allah SWT. Lebih-lebih lagi, dalam situasi musibah pandemik yang belum berakhir ini, kebergantungan kita kepada Allah perlu diperkukuhkan, agar kita semua tidak tergelincir dari landasan dan petunjuk agama. Tajuk khutbah pada hari ini ialah:

**‘Tanggungjawab ibubapa dalam
memberi didikan agama kepada anak-anak’.**

Sidang Jumaat yang dimulikan Allah

Hari ini, sistem pendidikan telah banyak mengalami perubahan berbanding era 1970-an, 80-an dan 90-an dahulu. Jika dulu, pembelajaran agama banyak berlaku di rumah, di sekolah, di surau dan juga di masjid. Manakala sumber ilmu pula diperolehi melalui contoh tauladan yang baik serta didikan agama daripada ibu bapa, guru-guru dan juga para imam dan ustaz-ustaz. Namun pada hari ini, dengan teknologi media dan internet, sumber ilmu ada pada hujung jari, lalu menjadikan maklumat dan setiap informasi boleh diperolehi secara mudah.

Hal ini memberi cabaran yang besar kepada semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, masyarakat dan secara khususnya pula, para ibu bapa bagi memastikan ilmu yang diperolehi melalui saluran-saluran media itu adalah sesuai, serta tidak menyimpang daripada landasan agama. Ini adalah kerana, sumber daripada internet tidak semuanya memberi faedah, sebaliknya ada yang boleh mempengaruhi minda dan tingkah laku negatif kepada anak-anak.

Musibah covid-19 turut memberi kesan kepada pembelajaran anak-anak. Sebahagian besar daripada mereka tidak berpeluang untuk belajar di sekolah secara bersemuka dengan guru-guru. Malah, melalui pembelajaran atas talian, hanya sebahagian kecil sahaja yang betul-betul dapat memberi tumpuan kepada kaedah atau norma baharu ini. Hal ini membawa kepada masalah keciciran dalam pembelajaran dan pendidikan. Lalu akhirnya, menjadikan anak-anak terabai dalam memperoleh ilmu bermanfaat sedangkan pada usia ini, mereka masih perlu diberi bimbingan dan tunjuk ajar demi masa depan mereka.

Keciciran pendidikan bermaksud murid yang langsung tidak dapat meneruskan persekolahan dalam satu jangka masa panjang sehingga meningkatkan kadar buta huruf atau terus berhenti sekolah. Data KPM melaporkan seramai 21,316 pelajar berhenti sekolah bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Apakah kaedah terbaik mendepani cabaran-cabaran ini, dalam melahirkan generasi yang solih dan solihah? Generasi yang memelihara solatnya, menjaga adab dan tindak tanduknya berinteraksi serta mengurus masyarakat berasaskan ajaran Quran dan Sunnah?

Dr Abdullah Nasih Ulwan, melalui buku *Tarbiyatul Aulad fil Islam* telah menggariskan cara-cara mendidik anak-anak sebagaimana berikut:

Pertama: Mendidik melalui contoh tauladan yang baik.

Faktor terbesar yang mencorak kehidupan, dan keperibadian anak-anak ialah ibu bapa sendiri. Daripada lahir hingga ke usia sekolah, ibu bapa adalah individu yang paling dekat dengan anak-anak. Jadi ibu bapa lah pencorak kehidupan anak-anak bermula daripada buaian lagi.

Rasululullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Setiap anak yang lahir adalah dalam keadaan fitrah. Ibu bapa lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi ”.

(Bukhari dan Muslim)

Pendidikan melalui contoh tauladan termasuk memberi tunjuk ajar hal-hal keutamaan dalam agama; cara solat yang betul, aspek syarat dan rukunnya serta memelihara waktu solat agar tidak luput. Ibu bapa juga perlu tunjukkan kesungguhan dan minat kepada urusan agama seperti bersegera melaksanakan solat apabila masuk waktu, juga ibadah-ibadah lain. Mudah-mudahan ia menjadi ikutan kepada anak-anak sehingga mereka merasakan bahawa tuntutan agama bukanlah sesuatu yang remeh, sebaliknya perlu dijaga sebaik-baiknya.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Pendekatan yang kedua ialah: Menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan utama.

Antara perkara yang boleh dilakukan ialah dengan sentiasa menceritakan kehebatan dan indahnya akhlak Rasulullah S.A.W kepada anak-anak baik dalam aspek makan-minum, tutur kata pergaulan dan sebagainya. Tanpa pengisian sebegini, ia membuka ruang kepada anak-anak untuk menjadikan artis atau superhero televisyen sebagai idola dan ikutan mereka. Justeru, kita sebagai ibubapalah yang sepatutnya memupuk pendirian mereka khususnya nilai-nilai agama, agar tahu memilih siapakah yang wajar dijadikan contoh tauladan dalam melayari kehidupan dunia yang bersifat sementara ini. Allah telah berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Bermaksud: Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.

Ketiga: Mendidik melalui pemerhatian dan pengawasan

Sudah menjadi tanggungjawab ibu dan bapa untuk mengawasi dan memerhatikan anak-anak mereka khususnya sewaktu berada di rumah agar tidak melakukan sesuatu menyalahi perintah Allah. Kaedah dan cara pengawasan, terserahlah kepada kebijaksanaan masing-masing. Apa yang penting, ibu bapa tahu siapa teman atau rakan anak-anak mereka dan ke mana anak-anak bermain sewaktu masa lapang. Sesungguhnya kegagalan mendidik anak-anak antaranya, termasuklah sikap tidak ambil peduli langsung hal-ehwal seharian anak-anak serta keinginan mereka yang memerlukan bimbingan dan belaian daripada pihak ibu bapa. Lihatlah apa yang terjadi kepada anak-anak yang dibiarkan begitu sahaja tanpa pengawasan dan pemerhatian. Mereka akan berkawan dengan sesiapa sahaja dan berpeleseran, sehingga terjebak dengan aktiviti yang tidak berakhlak dan bermoral. Firman Allah SW T dalam surah al-Nisa' ayat 9:

وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ

وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

Maksudnya, “Dan hendaklah takut (kepada Allah) orang-orang yang sekiranya mereka meninggalkan keturunan yang lemah di belakang mereka yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan)nya. Oleh sebab itu, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka berbicara dengan tutur kata yang benar.

Sidang Jemaah yang dihormati sekalian,

Pada zaman IT ini, pengawasan dan kecaknaan ibu bapa sepatutnya lebih peka dan menyeluruh. Jika dulu, anak-anak didenda dan tidak dibenarkan keluar rumah bagi mengelak mereka berpelesenan dengan rakan-rakan yang tidak baik. Namun hari ini, dalam bilik tidur pun, pergaulan dan pengaruh negatif masih boleh berlaku melalui saluran whatsapp, facebook, dan lain-lain. Justeru, apalah salahnya untuk ibu bapa perhatikan juga dalam bilik anak-anak, apa yang ada, siapa rakan kenalan dalam telefon mereka dan sebagainya. Semoga usaha yang kecil dari pihak ibubapa mampu membantu dalam mencorakkan generasi yang hidup berteraskan ajaran agama. Allah SWT berfirman dalam surah Taha-132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Maksudnya: “ Suruhlah ahlimu (keluargamu) supaya bersembahyang, dan bersabarlah atas mengerjakannya. ”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, berikut adalah beberapa gesaan yang boleh dilakukan dalam mendidik anak-anak

- 1- Pendidikan anak-anak bukan sahaja proses yang dilakukan oleh institusi pendidikan atau sekolah semata-mata, sebaliknya ia melalui pendekatan hati ke hati, kasih sayang dan contoh tauladan daripada ibubapa terhadap anak-anak di rumah.

- 2- Ibumama perlu memantau solat anak-anak dan ajar serta bimbing supaya mereka dapat melakukan solat dengan sempurna. Solat yang sempurna membentuk keperibadian baik anak-anak.
- 3- Perhati dan bimbinglah kemampuan anak-anak dalam membaca Al-Quran, khususnya al-Fatihah yang menjadi salah satu rukun solat.
- 4- Ibumama perlu mengawasi pergaulan anak-anak, dengan siapa mereka berkawan, juga ungkapan-ungkapan yang diguna dalam berbicara. Ini adalah kerana pengaruh luar turut memberi kesan dalam aspek percakapan dan tingkah laku anak-anak

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَئِ أَقِيمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ

الْأُمُورِ ١٧

Maksudnya: "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

(Surah Luqman:17)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkayakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.